



Tuanku Syed Sirajuddin **bersalam** dengan kakitangan MAIPs.



Tuanku Syed Sirajuddin (kiri) menyampaikan tauliah Ahli Majlis MAIPs kepada Azlan di Hotel Seri Malaysia. (FOTO SHAHIDI SHAHDAN - BH)



# MAIPs lantik 32 AJK

2/11/18 7.13/6/2/10/12

» **Pentauliahahan dilaksana untuk penggal baru**

Oleh Nurul Farina Nazlan  
nfarina@mediaprima.com.my

► **Kangar**

**S**eramai 32 individu ditauliah sebagai Ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa (AJK) di bawah Majlis Agama

Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) di sini, semalam.

Pengurniaan tauliah itu disempurnakan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang disaksikan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid; Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Antara penerima tauliah Ahli Majlis MAIPs adalah Tuanku Syed Faizuddin yang juga Yang DiPertua MAIPs; Men-

teri Besar Perlis, Azlan Man; Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid; Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Khairi Hassan; Mufti Perlis, Datuk Dr Juanda Jaya dan Ketua Polis Perlis, Datuk Zull Aznam Haron.

## AJK Fatwa

Sementara itu, sembilan individu ditauliahkan sebagai AJK Fatwa Negeri Perlis antaranya Hakim Mahkamah Rayuan Perlis, Datuk Ahmad Jusoh; Pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Madya

Datuk Dr Mohd Radzi Othman dan Timbalan Mufti Perlis, Roslan Esa.

Individu yang dilantik adalah selepas mendapat perkenan Tuanku Syed Sirajuddin yang mana segala hal ehwal agama Islam akan diputuskan oleh mereka dalam mesyuarat majlis dan akan dikuatkuasakan selepas mendapat perakuan.

Pentauliahahan itu dilaksanakan untuk penggal baru dengan melantik AJK yang berkeelayakan dan kali terakhir majlis itu diadakan pada 2011.